

08 FEB 2001

Iraq-Sharon

PEMILIHAN SHARON TIDAK BAWA PERBEZAAN APA-APA, KATA MENTERI LUAR IRAQ

Oleh: Haikal Mohamad Isa

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Pemilihan Ariel Sharon sebagai Perdana Menteri Israel menggantikan penyandang Ehud Barak tidak membawa sebarang perbezaan kepada proses perdamaian yang terhenti antara Arab-Israel kerana kedua-dua pemimpin itu adalah "penjenayah", kata Menteri Luar Iraq Mohammed Said Al-Sahaf.

"Ariel Sharon, Ehud Barak, Shimon Peres dan sesiapaupun, semua mereka ini sama, serupa sahaja. Mereka semua mahu merampas tanah Palestin untuk penduduk Israel," katanya kepada Bernama dalam satu temuramah semalam di akhir lawatan rasmi tiga harinya ke sini.

"Mereka (pemimpin Israel) semuanya penjenayah dan mereka menyembelih rakyat Palestin dan melindungi diri mereka dengan bercakap mengenai perdamaian. Ini (perbincangan damai) hanyalah satu gurauan," katanya.

Untuk mencapai perdamaian, penduduk Isreal hendaklah memulangkan semula semua tanah yang dirampas mereka daripada rakyat Palestin dan membatalkan penghijrahan Yahudi dari seluruh dunia ke Palestin, katanya.

"Tanah (yang diduduki) hendaklah dipulangkan semula kepada pemilik sebenarnya iaitu rakyat Palestin," kata Mohammed Said.

Semasa lawatan beliau di sini, kunjungannya ke Malaysia sejak 1972, Mohammed Said mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Syed Hamid Albar dan mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berlepas ke Bangkok hari ini.

Israel, katanya, hendaklah menghentikan dasar mengimport kaum Yahudi dari seluruh dunia dan menempatkan mereka di wilayah yang diduduki dan jika tidak, proses perdamaian itu tidak akan mencapai kemungkinan bagi satu penyelesaian.

"Jadi jika kita benar-benar memperkatakan tentang kestabilan, perdamaian dan keselamatan di rantau itu, satu daripada jalannya ialah tanah Palestin dipulangkan kepada rakyatnya dan kaum Yahudi yang datang dari Amerika Syarikat, Eropah Timur, Etiopia dan dunia Arab hendaklah berhijrah pulang.

"Kecuali perkara ini dilaksanakan, perdamaian tidak akan berlaku," katanya.

Bagi kaum Yahudi yang dilahirkan di Palestin sebelum 1948, mereka boleh tinggal di Palestin dan hidup bersama rakyat Palestin yang lain, katanya.

Menurut Mohammed Said, proses perdamaian sekarang sememangnya sudah direncanakan gagal sejak dari mula lagi kerana Israel yang lebih kuat dengan sokongan sekutu utamanya Amerika Syarikat memaksa penyerahan di pihak yang lemah (rakyat Palestin) dan menamakannya perdamaian."

"Kecondongan dan ketidakseimbangan kuasa yang ketara ini tidak akan menghasilkan perdamaian. Ini telah dikisahkan sejarah," katanya sambil menegaskan bahawa proses perdamaian akan lebih bermakna hanya apabila kaum Arab telah memperoleh semula kekuatan mereka.

-- BERNAMA

MHI ZS RON